

CNS4722

U GB 16-04 00171 BH811

BAH

Mahathir - Komputer

MALAYSIA SUDAH MENGUASAI TEKNOLOGI PEMBUATAN KOMPUTER

MELAKA, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa Malaysia sudah mampu menguasai teknologi pembuatan komputer yang sebelum ini dimonopoli negara maju seperti Amerika Syarikat dan Taiwan.

Perdana Menteri berkata, negara asing sudah mengakui bahawa komputer yang dikeluarkan Malaysia bermutu tinggi seperti yang dikeluarkan negara asing.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Melaka hari ini, beliau berkata, ada syarikat komputer dari Taiwan dan Amerika Syarikat yang telah dibeli rakyat Malaysia dan dibawa ke negara ini.

Katanya, walaupun kualiti yang dikeluarkan Malaysia sama seperti negara asing, kos pembuatan komputer di negara ini dianggap murah kerana kos tanah yang murah serta penggunaan tenaga pekerja yang cekap dan membayar gaji yang lebih rendah.

Katanya, gaji yang rendah di negara ini merupakan satu kelebihan kerana ia boleh menarik pelabur ke negara ini.

Ini penting kerana ketiadaan kelebihan itu pelabur tidak akan datang ke negara ini. -- Lagi.

16/04/20-33MST

U GB 16-04 00167 BH812

BAH

Mahathir - Komputer 2 (Akhir) Melaka

Menurutnya, gaji pekerja yang rendah juga menyebabkan kos sara hidup di negara ini turut rendah tetapi ia tidak bermakna daya pembelian rendah.

"Walaupun gaji rendah kita masih boleh beli sama banyak barang dengan gaji tinggi di negara asing. Umpamanya satu pound di Britain boleh beli sama banyak barang satu ringgit di Malaysia sedangkan satu pound sama dengan empat ringgit," katanya.

Beliau juga menasihati peniaga supaya tidak menaikkan harga keluaran mereka sewenang-wenangnya kerana ini boleh menyebabkan barangan keluaran Malaysia tidak berdaya saing

Ini nanti boleh menyekat kemasukan pelabur asing ke negara ini yang boleh menyebabkan ramai pekerja menganggur.

"Peniaga perlu sedar betapa penting mereka tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya semata-mata kerana ingin mencari untung lebih kerana ini boleh merugikan mereka nanti," kata Dr Mahathir.

Sebelum itu, Dr Mahathir telah menyampaikan hadiah warga kehormat Melaka Bandaraya Bersejarah kepada bekas Presiden Petronas Tan Sri Abdullah Salleh.

-- Bernama.

AH ARA KGO KAM.